

10/08/1997

Akan wujudkah terusan Segenting Kra?

ALKISAHNYA, teman tertanya-tanya apa sebab agaknya banyak sangat infrastruktur nak dibuat di Kedah? Maklumlah pembangunan hebat Langkawi. Ada pula rancangan nak tambak buat lapangan terbang antarabangsa.

Teman percaya ia adalah lambang kemakmuran. Tapi kalau infrastruktur banyak sangat, tentulah ada sesuatu yang besar nak dibuat. Kalau kita cuba tinjau pemikiran Dr Mahathir, memanglah sukar nak tahu apa yang beliau fikirkan. Maklumlah, wawasannya cukup terkehadapan.

Namun, teman agak ada sesuatu yang besar akan dirancang. Dalam perhitungan teman, ada kemungkinan satu terusan akan dibuat di bahagian utara negara kita. Yang teman maksudkan ialah terusan Segenting Kra.

Apakah tidak mungkin Segenting Kra itu akan dikorek dan dijadikan terusan yang menghubungkan Laut China Selatan dengan Selat Melaka? Ini bukanlah sesuatu yang mustahil.

Teman dapat bayangkan betapa banyaknya manfaat yang dapat diperoleh jika terusan Segenting Kra itu menjadi laluan kapal yang membawa hasil mahsul dari China (yang akan jadi sama besar ekonominya dengan Amerika Syarikat), Jepun, Korea (yang akan bergabung), Taiwan, Vietnam, Thailand dan sebagainya.

Teman yakin, kapal dagang akan menggunakan terusan itu sebab mereka tidak payah lagi menggunakan Selat Melaka dan Pelabuhan Singapura. Lagipun, dengan menggunakan Terusan Segenting Kra, mereka dapat menjimatkan masa perjalanan dan ia lebih ekonomik. Silap-silap Kelantan akan jatuh ke tangan Barisan Nasional semula kerana modenisasi di negeri itu akan menjadikan Pas tidak relevan lagi!

Kalau teori ini ada kebenarannya, maka tidak hairanlah begitu banyak infrastruktur dibina di Kedah, Selangor dan Pulau Pinang.

Namun ini hanya teori teman. Tak semestinya betul. Tapi tak semestinya salah pula!

(END)